
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMK 221 – Fiksyen Melayu Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Bincangkan sumbangan mana-mana tiga (3) tokoh yang tersenarai di bawah kepada perkembangan bidang kesusasteraan.
 - (a) Hamzah Husien
 - (b) Keris Mas
 - (c) Abdullah Munsyi
 - (d) Ahmad Rashid Talu
 - (e) A. Samad Said
 - (f) Shahnnon Ahmad

(25 markah)
2. Masalah sosial merupakan satu fenomena, khususnya apabila sesebuah negara berhadapan dengan kancah peperangan. Bincangkan hal ini dengan merujuk peristiwa yang terdapat dalam novel *Di Hadapan Pulau*, karya A. Samad Said.

(25 markah)
3. Watak Kenchana dalam novel *Haruman Kencana* merupakan watak wanita yang ditampilkan serba sempurna. Bincangkan.

(25 markah)
4. Bincangkan pendirian watak Embun sebagaimana yang terdapat di dalam *Embun* (trilogi *Lamunan Puitis*, karya Shahnnon Ahmad).

ATAU

Bincangkan mesej yang ingin disampaikan oleh Shahnnon Ahmad melalui “*Titipan*” yang terdapat dalam trilogi *Lamunan Puitis*.

(25 markah)

5. Sungguhpun bukan watak penting, watak wanita seperti Ros, Kak Hasnah dan Mek Teh merupakan penyeri kepada novel *Bidong*, karya Ali Jusoh. Bincangkan.

(25 markah)
6. Pada pendapat anda, mengapakah cerpen-cerpen berikut dihasilkan?
 - (a) “Menarah Gunung” oleh Abdullah Tahir
 - (b) “Ateik Putriba” oleh Azizi Haji Abdullah
 - (c) “Angin Kering di Desamala” oleh Zurinah Hassan

(25 markah)